

**SPEECH BY MR LAWRENCE WONG,
PRIME MINISTER AND MINISTER FOR FINANCE
AT THE OFFICIAL LAUNCH OF BULAN BAHASA 2025
ON FRIDAY, 29 AUGUST 2025**

1. Para hadirin yang terhormat, salam sejahtera.
2. Tahun ini ialah tahun keenam puluh kemerdekaan Singapura. Kita meraikan kemajuan negara kita sebagai satu keajaiban ekonomi dan sebagai satu masyarakat berbilang bangsa yang harmoni.
3. Di Singapura, kedudukan Bahasa Melayu sangat istimewa, sebagai bahasa kebangsaan kita, dan salah satu daripada empat bahasa rasmi kita.
4. Ini membantu kita lebih memahami budaya dan sejarah yang kita kongsi bersama.
5. Ibu bapa saya boleh berbahasa Melayu. Tetapi, dahulu saya tidak berpeluang mempelajarinya dengan betul.
6. Saya mula ke kelas bahasa Melayu apabila menyertai politik dan setelah menjadi Perdana Menteri, saya belajar Bahasa Melayu dengan lebih tekun lagi.
7. Ini supaya saya dapat berhubung dengan anda semua, masyarakat Melayu kita.
8. Belajar Bahasa Melayu memerlukan banyak masa dan latihan, namun saya bertekad untuk melakukan yang terbaik. Terima kasih atas dorongan anda!
9. Sebab itulah, saya gembira melancarkan Bulan Bahasa tahun ini. Bulan Bahasa meraikan bahasa, sastera serta budaya Melayu, melalui pelbagai aktiviti untuk semua rakyat Singapura.

10. Usaha ini penting kerana warisan budaya merupakan sebahagian daripada jati diri kita.
11. Kita mungkin menggunakan bahasa Inggeris di tempat kerja. Tetapi kita tetap orang Timur.
12. Sebab itulah setiap kaum di Singapura mesti berasa bangga akan budaya, bahasa dan tradisi mereka sendiri.
13. Pada masa yang sama, kita tidak mahu perbezaan ini memisahkan kita. Sebaliknya, kita mencari titik persamaan, kita bersatu padu sebagai satu rakyat.
14. Pemerintah akan terus menyokong usaha untuk mempromosikan budaya dan bahasa Melayu. Kami juga akan memastikan bahasa ibunda lain terus berkembang sekali gus menjadi sumber kebanggaan generasi akan datang.
15. Itulah cara Singapura. Kita membina sebuah negara untuk semua, semua orang setara dan dihormati.
16. Marilah kita terus mendukung pendekatan ini, demi membawa Singapura maju ke hadapan.
17. Izinkan saya akhiri dengan serangkap pantun.

*Bahasa ibunda jiwa bangsa,
Indah bersama sejak dahulu,
Negara kita hidup bersama,
Bahasa Melayu penghubung satu.*

Terima kasih.